

## MASJID DAN APLIKASI PENDEKATAN DAKWAH TERHADAP MASYARAKAT MULTI ETNIK DI MALAYSIA

(Mosque and Application of Dakwah Strategy on the Multi-Ethnic Society in  
Malaysia)

Mariam Abd. Majid\*  
Marlon Pontino Guleng

Jabatan Dakwah dan Pengurusan, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam  
Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

### ABSTRAK

Peranan institusi masjid di Malaysia seharusnya diperluaskan dalam menjalankan aktiviti sosial seperti dakwah kepada masyarakat multi etnik. Tuntutan dakwah di Malaysia sebagai negara multi etnik seharusnya dipergiatkan lebih-lebih lagi jika melihat kepada jumlah masyarakat bukan Islam yang mencecah sebanyak 39% daripada keseluruhan penduduk di negara ini. Kajian ini bertujuan untuk mengemukakan peranan masjid dalam mengaplikasi pendekatan dakwah yang signifikan terhadap masyarakat multi etnik di Malaysia. Makalah ini turut mengemukakan medium-dakwah yang boleh digunakan masa kini dalam usaha dakwah oleh institusi masjid terhadap masyarakat yang berbilang kaum. Metodologi kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif dengan menganalisis dokumen untuk mendapatkan data premier. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa pendekatan dakwah dan medium dakwah yang relevan digunakan oleh institusi masjid sebagai alat dakwah kepada masyarakat multi etnik seperti di Malaysia.

**Kata kunci:** Peranan masjid; pendekatan dakwah; medium dakwah; masyarakat multi etnik

\*Corresponding author: Mariam Abd. Majid, Jabatan Dakwah dan Pengurusan, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, mel-e: [mariam@kuis.edu.my](mailto:mariam@kuis.edu.my)

Diserahkan: 28 April 2015

Diterima: 10 Julai 2015

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2016-0801-03>

## ABSTRACT

*The function of mosques in Malaysia should be broadening in implementing social activities including dakwah towards multi ethnic societies. The effort of spreading dakwah in Malaysia as a multi ethnic country has to be well implemented as the non-Muslims in the country has led to 39% of total population. This research aims to bring out the roles of the mosques in a way of achieving the significant of dakwah approaches within the multi ethnic societies in Malaysia. The article also provides the dakwah medium that could be currently applied by the mosques in the dakwah activities towards multi races societies. The research methodology is used in a form of qualitative with document analysis to obtain premier data. The findings showed that a few of relevant dakwah approaches and medium have been used by the mosques institution as the dakwah tools towards the multi ethnic societies as in Malaysia.*

**Keywords:** Roles of mosques; dakwah approach; dakwah medium; multi ethnic societies

## PENGENALAN

Masjid merupakan sebuah institusi penting dalam sesebuah masyarakat khususnya dan negara amnya. Kepentingan institusi ini diperkuuhkan dengan menyorot kepada tindakan Rasulullah SAW yang telah membina masjid apabila membina masjid Quba' dalam perjalanan hijrah ke Madinah seterusnya baginda turut membina masjid di Madinah dalam mengasas sebuah negara Islam Madinah. Masjid dibina sebagai tempat melaksanakan ibadah, menyalurkan ilmu, mengadakan perbincangan hal ehwal pentadbiran, persaudaraan dan tempat untuk merealisasikan agenda perpaduan umat pada ketika itu.

Al-Quran menyebut perkataan masjid secara langsung iaitu Masjid Quba', Masjid Nabawi, Masjid al-Haram dan Masjid al-Aqsa dan makna masjid secara umum ialah tempat sembahyang. Firman Allah SWT (al-Hajj 22: 40) yang bermaksud:

Dan sekiranya Allah SWT tidak menolak manusia dengan sebahagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid masjid yang di dalamnya banyak disebut nama Allah SWT.

Masjid merupakan salah satu plafform utama dalam sesebuah masyarakat dalam usaha menyampaikan seruan Islam. Tuntutan seruan dakwah Islamiah bukanlah perkara baharu tetapi ianya merupakan kesinambungan daripada usaha dakwah para Nabi a.s yang terdahulu sebelum Nabi Muhammad SAW antaranya Nabi Nuh a.s, Nabi Hud a.s, Nabi Ibrahim a.s, Nabi Lut a.s, Nabi Musa a.s, Nabi Sulaiman a.s, Nabi Daud a.s sehingga Nabi Isa a.s dan berakhirlah kerasulan setelah wafatnya

baginda Nabi Muhammad SAW sebagai rasul terakhir. Firman Allah SWT (al-Saf 61: 6) yang bermaksud:

Dan (ingatlah juga peristiwa) ketika Nabi Isa ibni Maryam berkata: “Wahai Bani Israil, sesungguhnya Aku ini pesuruh Allah kepada kamu, mengesahkan kebenaran Kitab yang diturunkan sebelumku, iaitu Kitab Taurat, dan memberikan berita gembira dengan kedatangan seorang Rasul yang akan datang kemudian daripadaku bernama: ‘Ahmad’. Maka ketika ia datang kepada mereka membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata, mereka berkata: Ini ialah sihir yang jelas nyata!.

Terdapat tiga prinsip yang menjadi dasar bagi tiap-tiap risalah yang dahulu sebelum risalah yang terakhir iaitu (Wan Hussein Azmi 1984):

- Pertama: Mengakui kebenaran risalah yang terdahulu, iaitu mengatakan kebenaran semua risalah yang terdahulu setelah membersihkannya dari segala penyelewengan dan kepalsuan.
- Kedua: Menyempurnakan risalah yang terdahulu, iaitu menyempurnakannya dengan ajaran-ajaran yang dikehendaki oleh tempat dan alam sekitar bagi rasul yang baru itu untuk memimpin manusia dan menggalakkannya membuat segala kebaikan dan memerangi syirik, kezaliman dan pencerobohan.
- Ketiga: Membuka jalan kepada risalah yang akan datang, iaitu dengan memberi ingatan yang tegas, supaya manusia mengikut rasul yang akan datang dan beriman dengannya dan memberi sokongan kepadanya. Sesiapa yang kufur kepada rasul yang datang kemudian bererti ia kufur kepada Allah SWT yang mengutuskan rasul itu.

Institusi masjid telah muncul sebagai sebuah institusi yang berperanan merealisasikan misi dan visi risalah Islam pada zaman awal perkembangan Islam dan institusi masjid harus terus mantap sebagai platform menyalurkan seruan Islam dalam pelbagai bentuk terhadap seluruh anggota masyarakat khususnya di Malaysia.

## **MASYARAKAT MULTI ETNIK DI MALAYSIA**

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Malaysia Review (2014), penduduk Malaysia terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bumiputera dan bukan Bumiputera. Golongan Bumiputera terdiri daripada orang Melayu, Orang Asli dan masyarakat Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Golongan bukan Bumiputera di Malaysia pula ialah bangsa Cina, India dan Iain-Iain bangsa. Secara umumnya Malaysia mempunyai masyarakat majmuk yang unik kerana sebahagian besar penduduknya terdiri daripada kaum

Melayu, Cina dan India. Info terkini penduduk rakyat Malaysia sudah mencecah 30,001,710 orang sedangkan pada tahun 2012 jumlah penduduk di Malaysia seramai 28,334 juta orang yang mana penganut Islam sebanyak 27,375 juta (61.3%); Kristian seramai 2617 juta (19.2%); Buddhist 5,620 juta (19.8%); Hindu 1.77 juta (6.3%); Cina Tradisi 0.356 juta (1.2%); Tiada agama 0.2 juta (0.7%); Tiada maklumat 0.272 juta (1%) dan lain-lain dianggarkan sebanyak 0.11 juta (0.4%) orang. Manakala dari segi pecahan agama bagi bangsa Cina dan India adalah seperti berikut; Secara keseluruhannya, jumlah kaum Cina 6.392 juta (22.56%) dan anggaran bagi Cina Muslim seramai 42,048 orang (0.65%); jumlah Cina Buddhist 5.314 juta (83.1%); Cina Kristian 0.7048 juta (11%) dan Cina Tradisi 218,261 (3.4%). Manakala bagi masyarakat India pula dianggarkan jumlah India Muslim seramai 78702 orang (4.1%); India Hindu 1.644 juta (84.5%) dan India Kristian seramai 114,281 orang (6%).

Kepelbagaiannya etnik yang terdapat di Malaysia ini memerlukan kepelbagaiannya pendekatan serta medium yang sesuai dengannya. Pembahagian orang Islam dan bukan Islam terbahagi kepada enam golongan iaitu (Ab. Aziz Mohd Zin 2004);

1. Orang yang beriman, yakin serta mengetahui. Isu dakwah kepadanya dengan memperteguhkan dan menambahkan keimannya.
2. Orang yang tidak mengetahui hakikat dan tujuan dunia serta akhirat. Dakwah kepadanya dengan cara mengajar dan mendedahkan pengajaran berkaitan Islam agar diketahui.
3. Orang yang lupa kepada agama dan kewajipan. Isu dakwah kepadanya dengan memperingatkan berkaitannya selalu.
4. Orang yang sesat, tidak dapat membezakan antara yang baik dan buruk. Dakwah kepadanya dengan memberi tunjuk ajar, nasihat serta perbincangan yang baik.
5. Orang yang menolak Islam walaupun telah diperjelaskan. Dakwah kepadanya dengan peringatan, amaran serta janji-janji yang menakutkan.
6. Orang yang sesat, menipu serta memusuhi Islam. Dakwah kepadanya dengan menentang ancamannya dengan jihad.

Fokus terhadap pendekatan yang tepat serta saluran yang betul perlu dititik beratkan oleh pihak masjid bagi menjamin seruan dakwah Islamiyyah menjadi berkesan dan dapat diterima oleh pelbagai etnik di Malaysia.


## PERANAN MASJID

Masjid merupakan satu institusi tidak formal yang sangat penting dalam pembinaan masyarakat sesebuah negara. Kepentingannya jelas apabila usaha pertama yang telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW ialah membina masjid sewaktu dalam perjalanannya berhijrah ke Madinah. Baginda telah bermalam di sebuah tempat

bernama Quba' selama beberapa malam, seterusnya mengasaskan pembinaan sebuah masjid di situ yang dinamakan masjid Quba' (Yahya Mahmud Salman 2005).

Pada zaman Nabi Muhammad SAW, masjid merupakan sebuah tempat bagi perkumpulan orang Islam menerima pengajian daripada baginda. Selain itu, masjid dijadikan tempat pertemuan sesama muslimin mengeratkan hubungan persaudaraan serta tempat perbincangan umat Islam dalam menetapkan sesuatu keputusan. Solat berjemaah yang dilaksanakan di masjid merupakan salah satu kaedah untuk memupuk semangat kerjasama dalam satu barisan di kalangan umat Islam (Ab. Aziz Mohd Zin 2012). Komunikasi masjid memberi impak yang sangat tinggi terhadap masyarakat dalam proses interaksi bagi menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan pemikiran, sikap dan emosi (Zulkiple Abd. Ghani 2003). Dapatkan kajian yang telah dilakukan berkaitan maklumbalas masyarakat terhadap aktiviti-aktiviti masjid di Semenanjung Malaysia membuktikan keberkesanan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid sekaligus menunjukkan kepentingan peranan masjid sebagai institusi yang memberi impak tinggi dalam penyampaian mesej dakwah terhadap masyarakat (Yusmini & Mohd Anwarulhaq 2004). Peranan institusi masjid ini dapat diringkaskan seperti dalam Rajah 1.1 di bawah.

RAJAH 1.1 Peranan Masjid



### **PENDEKATAN DAKWAH MASJID TERHADAP MASYARAKAT MULTI ETNIK**

Dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat multi etnik, pihak masjid boleh menggunakan beberapa strategi dan pendekatan untuk mencapai matlamat dan tujuan dakwah. Al-Quran telah menjelaskan berkaitan panduan bagi aplikasi pendekatan

dakwah supaya mesej dakwah yang ingin disampaikan kepada masyarakat mudah diterima oleh sasaran dakwahnya. Berasaskan kepada keadaan, situasi dan pelbagai jenis serta status sasaran dakwah maka Allah SWT mengajarkan para rasul khususnya dan pendakwah amnya asas-asas metodologi dakwah dalam aplikasi pendekatan untuk mengeluarkan manusia dari kegelapan jahiliah kepada cahaya Islam. Asas-asas tersebut dinyatakan oleh firman Allah SWT (al-Nahl 16: 125) yang bermaksud:

Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik serta berdebatlah dengan cara yang paling baik.

Ayat tersebut mengemukakan cara berdakwah yang harus dilakukan oleh setiap pendakwah mahupun institusi dakwah seperti masjid dalam penyampaian mesej dakwah iaitu dengan hikmah, cara nasihat yang baik serta perbincangan, dialog atau perbahasan dengan cara yang paling baik (Ab. Aziz Mohd Zin 2004). Berikut adalah pendekatan-pendekatan dakwah yang boleh diaplikasikan oleh institusi masjid dalam usaha dakwah.

### **DAKWAH FARDIYYAH**

Dakwah *fardiyah* adalah salah satu cara pelaksanaan dakwah yang mempunyai kelebihannya yang tersendiri, dan ianya merupakan salah satu metode dakwah yang sentiasa digunakan oleh para Nabi Allah SWT (al-Kanani 1997). Pendekatan dakwah *fardiyah* ini merupakan satu kaedah yang lebih mengutamakan fokus kepada seorang atau beberapa orang *mad'u* dan dilakukan secara tidak formal (al-Kanani 1997). Rasulullah SAW adalah pendakwah pertama yang mengaplikasi pendekatan dakwah secara *fardiyah* ini. Firman Allah SWT (Yusuf 12: 108) yang bermaksud:

Katakanlah (Wahai Muhammad): “Inilah jalanku, Aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. dan Aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah Aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain.

Rasulullah SAW melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani bersabda yang bermaksud:

Barangsiapa tidak mempedulikan urusan orang Muslim, maka dia bukanlah daripada golongan orang Islam (al-Tabari 1985).

Dakwah *fardiyah* boleh dilaksanakan oleh institusi masjid dengan penubuhan suatu unit atau jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam ruang lingkup pendekatan dakwah *fardiyah*. Kewujudan kelas-kelas pengajian umum berkaitan tasawwur Islam oleh ahli-ahli jawatankuasa masjid merupakan antara usaha dakwah *fardiyah*

yang boleh dirancangkan. Rasulullah SAW menggunakan kaedah pengajian agama sebagai salah satu aktiviti dakwah. Rumah al-Arqam ibn Arqam dipilih sebagai tempat Rasulullah SAW mengajar agama atau dikenali sebagai kelas *fardu ain* kepada golongan yang baru memeluk Islam (al-Bayanunni 1995).

Aktiviti ziarah dan majlis jamuan juga merupakan antara pendekatan yang dilaksanakan oleh baginda Rasulullah SAW dalam dakwah fardiyah. Pendekatan ini meninggalkan kesan yang mendalam sehingga berupaya mendorong golongan yang belum Islam untuk menerima Islam sebagai agama untuk dianuti.

### **DAKWAH 'AMMAH**

Dakwah *'ammah* atau pendekatan secara umum iaitu dakwah yang boleh dilakukan dalam institusi masjid yang ditujukan kepada orang ramai dengan membawa maksud menanamkan pengaruh kepada sasaran dakwah. Ianya bersifat rasmi dan membabitkan golongan sasaran yang ramai, seperti ceramah, mengajar, mengadakan perbincangan, percakapan, perdebatan, khutbah, seminar dan sebagainya (Sulaiman Ibrahim & Fariza Md Sham 2008).

Di antara kegiatan awal yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ketika sampai di Madinah ialah menjadikan masjid sebagai tempat ibadah dan tempat berkumpul bagi para sahabat. Perjumpaan diadakan di masjid selepas waktu sembahyang, aktiviti pengisian ilmu serta perbualan sesama anggota jamaah masjid (Abu Urwah 1989).

Rasulullah SAW telah membahagikan kawasan masjid kepada beberapa tempat bagi melaksanakan ibadah khusus, berjual beli, majlis keramaian dan seumpamanya (Ahmad Redzuwan 2001). Perjumpaan, perbincangan serta majlis ilmu di masjid perlu diberi nafas baru dengan membuka ruang kepada pelbagai golongan ahli masyarakat bagi mengenali Islam mahupun memperkuatkannya ilmu pengetahuan yang boleh dikendalikan di anjung-anjung masjid sebagaimana yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW.

Aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh pihak masjid bagi masyarakat sekitarnya seperti sukaneka, gotong royong, ziarah, kursus motivasi dan pendidikan, kelas memasak merupakan antara pendekatan dakwah yang berupaya menjalinkan interaksi masyarakat pelbagai etnik dalam masyarakat (Abd. Ghafar Don 1998). Selain itu, penubuhan jawatankuasa media dakwah melalui ICT dalam struktur organisasi masjid sebagai alternatif menjadi sumber rujukan dan saluran ilmu-ilmu berkaitan Islam yang sebenar jauh daripada tanggapan negatif yang diwar-warkan kepada masyarakat (Mohd Nakhaie 2015).

Dakwah *'ammah* bukan sahaja dilakukan oleh seseorang individu bahkan institusi tertentu juga termasuk dalam konteks dakwah *'ammah* nya yang melaksanakan usaha-usaha dakwah. Program dakwah *'ammah* oleh institusi masjid

tidak hanya terbatas dalam bentuk pengajaran, ceramah, khutbah, debat, seminar dan sebagainya, bahkan lebih daripada itu iaitu meliputi tanggungjawab untuk merangka dan melaksanakan sukanan kaedah dan memajukan sistem gerakan dakwah selaras dengan kehendak dan acuan Islam demi kepentingan pelbagai anggota masyarakat multi etnik yang memerlukan ilmu pengetahuan serta penjelasan berkaitan Islam.

## USLUB & MEDIUM DAKWAH

Institusi masjid boleh menggunakan pelbagai uslub atau kaedah bagi menyampaikan dakwah kepada masyarakat multi etnik. Terdapat tiga kategori uslub yang boleh digunakan sebagai uslub mengaplikasi pendekatan dakwah tersebut di atas antaranya ialah:

### **Dakwah Bi al-Lisan**

Dakwah dengan lisan merupakan medium yang paling kerap digunakan serta merupakan teknik asas dalam penyampaian dakwah (Zaydan 2000). Bahasa mempunyai peranan besar dalam mengendalikan tingkah laku manusia yang dapat digunakan untuk mengawal manusia menjadi tertawa, menangis, sedih, marah dan sebagainya. Bahasa turut digunakan untuk memasukkan gagasan-gagasan baru ke dalam pemikiran manusia. Kesalahan-kesalahan dalam penggunaan bahasa boleh membawa kepada kurangnya keberkesanannya usaha dakwah itu sendiri. Perkataan yang sama belum tentu sesuai untuk semua kalangan sasaran dakwah kerana perbezaan latar belakang *mad'u* yang menuntut ungkapan yang sesuai bagi setiap golongan *mad'u* tersebut. Terdapat segelintir pendakwah telah menyama ratakan penggunaan perkataan dan bahasa terhadap semua *mad'u* dan asyik memikirkan berkaitan mesej yang disampaikan dan terlupa untuk mengambilkira latar belakang pendidikan, usia, status dan budaya golongan *mad'u* (Muhammad Isa Anshari 1979).

Terdapat istilah-istilah yang harus diketahui oleh seorang pendakwah ketika akan menyampaikan dakwah dengan lisannya. Ahmad Mubarak (1999) menyebut istilah-istilah tersebut dengan ‘bahasa dakwah’. Pertama, *qawlān layīna* yang membawa maksud kata-kata yang lemah lembut, iaitu dakwah yang disampaikan dengan kata-kata yang dirasakan *mad'u* sebagai sentuhan yang halus, tanpa menyentuh atau menyinggung perasaannya. *Qawlān layīna* ini sesuai digunakan kepada *mad'u* yang memiliki *nafs* jenis amarah, terutama seorang *mad'u* yang takabbur dan zalim.

Kedua, *qawlān balīgha* yang membawa maksud bentuk kata yang dapat memberi kesan pada jiwa *mad'u*. Ahmad Mubarak memberikan pengertian dengan kalimah yang tajam, pedas dan benar. *Qawlān balīgha* ini dipandang sesuai untuk *mad'u munafiq* dan orang-orang yang dapat dipengaruhi oleh orang *munafiq*.

Ketiga, *qawlān maysura* iaitu perkataan yang mudah diterima dan cepat didengar. Bahasa dakwah ini sesuai untuk untuk *mad'u* yang memerlukan bantuan,

disebabkan kerana kemiskinan atau kepentingan lain. *Mad'u* yang berada dalam keadaan seperti ini tidak boleh mendengar perkataan rahsia sebab akan menimbulkan persepsi negatif dan boleh menimbulkan reaksi yang salah. *Qawlan maysura* berfungsi untuk mengendalikan *mad'u* daripada melakukan perbuatan kufur.

Keempat, *qawlan karima* dapat dertiakan dengan perkataan mudah, lembut dan penuh kebajikan. Bahasa dakwah ini sesuai digunakan kepada *mad'u* yang telah lanjut usia. Tingkah laku orang tua tidak mudah untuk diubah dan golongan ini sukar untuk menerima teguran keras kerana lemahnya kemampuan respon psikologi yang disebabkan faktor umur.

Kelima, *qawlan sadida* membawa maksud perkataan yang lurus dan benar yang ditujukan kepada sasaran dakwah. Mesej dakwah secara psikologi akan menyentuh hati *mad'u* ketika mesej dakwah itu disampaikan secara logik. Dakwah dalam bentuk ini lebih menekankan pengertiannya pada penyelenggaraan dakwah dengan pendekatan-pendekatan logik akal. Pendekatan ini sesuai untuk mereka yang memiliki kemampuan berfikir logik dan kritis.

Keenam, *qawlan ma'rufa* iaitu membawa maksud perkataan yang baik. Dalam al-Quran, ungkapan *qawlan ma'rufa*. Firman Allah SWT (al-Baqarah 2: 263) yang bermaksud:

(Menolak peminta-peminta sedekah) dengan perkataan yang baik dan memaafkan (kesilapan mereka) adalah lebih baik daripada sedekah (pemberian) yang diiringi (dengan perbuatan atau perkataan yang) menyakitkan hati dan (ingatlah) Allah SWT Maha Kaya, lagi Maha Penyabar.

Jalaluddin Rahmat (1992) menjelaskan bahawa ayat 263 daripada surah al-Baqarah, *qawlan ma'rufa* merupakan pembicaraan yang bermanfaat, memberi pengetahuan, mencerahkan pemikiran, menunjukkan pemecahan kesulitan. Apabila seseorang tidak mampu untuk memberi bantuan kepada orang yang lemah dalam bentuk material, maka memadailah dengan bantuan psikologi.

Dakwah melalui lisan tidak terhad hanya pada ceramah yang melibatkan peserta dalam jumlah yang besar. Akan tetapi perbincangan seseorang dengan individu lain dengan maksud ingin merubah seseorang *mad'u* dari suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik dan diredayai Allah SWT, juga menjadi sebahagian dari dakwah yang berkesan (Ali Abd al-Halim 1994).

Bahasa dakwah penting untuk diketahui oleh setiap pendakwah supaya mesej dakwah yang disampaikan mudah difahami dengan baik. Di samping bahasa dakwah, seorang pendakwah harus bijaksana dalam menentukan tajuk yang akan disampaikan

kepada sasaran dakwah, haruslah sesuai dengan keperluan masyarakat setempat dan metode yang digunakan bersesuaian dengan kefahaman mereka (Ali Mustafa Yakub 1997).

Bahasa memainkan peranan penting kerana ia boleh mempengaruhi perasaan dan pemikiran *mad'u* ke arah melakukan kebaikan, mencegah daripada melakukan kemungkaran serta mendekatkan diri ke arah keimanan kepada Allah SWT.

Dakwah melalui kesenian dan hiburan merupakan salah satu medium dakwah yang sangat diminati pada hari ini. Kesenian merupakan sebahagian daripada kehidupan umat manusia. Secara umumnya seni merujuk kepada keindahan sama ada ianya bersifat fizikal seperti lukisan atau arca tampak ataupun yang agak bersifat abstrak seperti puisi atau syair. Seni juga merupakan ekspresi manusia terhadap alam, rakaman pengalaman hidup yang dilalui, gambaran suka duka, sanjungan atau puji terhadap sesuatu mahupun manifesto kebencian kepada sesuatu perkara (Jaffary Awang & Kamaruddin Salleh 2007). Dengan kata lain, seni tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan manusia. Islam sendiri sentiasa meraikan kecenderungan dan minat manusia dan tidak dinafikan keperluan seni pada diri manusia. Seorang guru yang sentiasa berfikiran positif boleh menggunakan seni sebagai alat untuk menggerakkan dakwah Islamiah kepada masyarakat dengan syarat tidak melampaui batas seperti yang dibataskan dalam syariat. Seni boleh dijadikan medium dakwah kepada masyarakat multi etnik seperti menterjemahkan lagu-lagu nasyid yang mengandungi unsur-unsur akidah yang sahih.

Al-Qaradawi (1980) menulis buku *al-Islām wa al-Fanni* (Islam dan Kesenian) dalam kerangka mempertahankan Islam dan golongan dakwah yang dituduh ingin merubah kehidupan manusia kepada perkara-perkara haram. Beliau menjelaskan antara perkara yang banyak diucapkan kepada para pendakwah yang menyeru ke arah penyelesaian secara Islam, katanya: “Anda semua menyeru orang ramai ke arah kehidupan yang mengharamkan senyuman di bibir mulut, kegembiraan di dalam hati, menggunakan perhiasan dan menikmati panorama kecantikan alam maya dengan kepelbagaiannya bentuknya” (Basri Ibrahim 2011).

Al-Qaradawi (1980) membincangkan permasalahan ini secara terperinci dalam kitabnya *al-Halāl wa al-Harām fī al-Islām*, kitab *Fatāwa Mu'āsirah* Juz 1 dan 2 (khususnya yang ke-2) dan kitab *Malamih al-Mujtama' al-Muslim* di bawah tajuk *al-Lahw wa al-Fann* (Hiburan dan Kesenian).

Institusi masjid berperanan dengan lebih kreatif dalam merangka pelbagai program kesenian Islam kerana dakwah memerlukan kepada kepelbagai pendekatan lantaran wujudnya perbezaan golongan masyarakat. Medium ceramah, kuliah, kelas pengajian diselangi dengan program-program hiburan dan kesenian seumpama nasyid, drama dan sajak berupaya menarik minat pelbagai lapisan golongan.

### **Dakwah *Bi al-Kitabah***

Dakwah *bi al-Kitabah* ialah suatu seni pendekatan dakwah dan suatu bentuk jihad melalui tulisan serta sangat sesuai digunakan dalam institusi masjid. Ia merupakan suatu wasilah yang sesuai untuk mengemukakan fikiran tentang sesuatu perkara dengan gaya bahasa yang menarik dan dapat diterima oleh akal manusia. Dakwah *al-Kitabah* ini adalah antara metode yang popular dalam kalangan pendakwah, tidak kira waktu dan zaman. Objek dan cakupan dakwah *al-kitabah* ini lebih bersifat meluas kerana mesej dakwah yang disampaikan dan informasi tentang ajaran Islam yang dituliskan dapat dibaca oleh ramai pembaca daripada pelbagai golongan masyarakat (Zikmal Fuad 2011).

Sejarah perkembangan Islam di dunia juga mencatat bahawa ramai ulama yang berdakwah melalui penulisan dalam pelbagai bidang ilmu termasuklah mengarang kitab-kitab agama yang dibaca oleh orang-orang sezaman dengannya dan generasi selepasnya. Bahkan buku-buku karangan mereka menjadi sumber rujukan dan diterjemahkan dalam pelbagai bahasa (al-Kawarib 2004).

Dakwah melalui pengiriman surat merupakan salah satu medium dakwah. Catatan-catatan sejarah menceritakan kepada kita, termasuklah pengiriman surat oleh Nabi SAW kepada pemimpin-pemimpin negara dan pembesarnya seperti surat Baginda yang dikirim kepada Kaisar, Raja al-Najasi, pembesar Qibti dan sebagainya (Akram Kassab 2010). Oleh yang demikian, pihak institusi masjid boleh mengirim surat atau risalah kepada pihak-pihak tertentu untuk memberikan nasihat dan peringatan berkenaan ajaran Islam terutama kepada pihak gereja dari pelbagai mazhab Kristian, kuil Hindu dan tokong Buddha yang kadangkala dibina berdekatan dengan masjid. Isi kandungan surat kepada gereja, kuil serta tokong ini dirangka bagi mengajak mereka supaya beriman dengan Islam ataupun undangan bagi mengadakan dialog perbandingan agama bertujuan untuk memahami dan mengenali fahaman agama masing-masing.

Buku atau makalah merupakan antara medium *bi kitabah* yang boleh dijadikan medium yang boleh disampaikan oleh pihak masjid kepada pelbagai lapisan masyarakat di sekitar masjid atau yang datang berkunjung ke masjid pada masa ini. Terdapat dalam kalangan ulama yang banyak menulis makalah antaranya ialah Yusuf al-Qaradawi yang banyak memenuhi surat khabar dan majalah di Mesir dan negara-negara Arab, bahkan sejumlah makalahnya juga dimuatkan dalam beberapa majalah selain daripada negara-negara Arab. Antara majalah yang memuatkan makalah al-Qaradawi (2001) ialah *Majalah al-Azhar*, *Majalah Nūr al-Islām*, *Majalah Mimbar al-Islam*, *Majalah al-Da'wah*, *Majalah al-Sha'ab*, *Majalah al-Ahram*, *Majalah Aṣaq Arabiyyah*, *Majalah Liwa al-Islam*, *Majalah al-I'tiṣam* dan sebagainya. Selain majalah-majalah yang terdapat di negara Mesir, terdapat majalah-majalah yang memuatkan makalahnya di negara-negara lain, seperti *Majalah al-Mujtamā'* dan *Majalah al-'Arabi* di Kuwait; *Majalah al-Shihab* di Beirut; *Majalah al-Ba'th al-Islāmī*

di India; *Majalah al-Da'wah* di Riyad; *Majalah al-Doha* dan *Majalah al-Ummah* di Qatar; *Majalah Manar al-Islam* di Abu Dhabi; *Majalah al-Muslim al-Mu'āṣir* dan sebagainya. Antara hasil penulisan-penulisan dalam negara yang memberi gambaran berkaitan Islam seperti buku bertajuk *Indahnya Bersyariat* yang ditulis oleh Ismail Kamus dan buku yang bertajuk *Manusia dan Islam* yang diketuai penulisannya oleh Haron Din. Penulisan-penulisan tersebut boleh diterjemahkan dalam bahasa Mandarin, Tamil serta Asli dan dijadikan risalah edaran oleh institusi masjid dan diedarkan kepada masyarakat multi etnik lebih-lebih lagi masyarakat berjiran bukan Islam.

Penyebaran pamphlet turut boleh jadikan medium dakwah *bi al-Kitabah* yang boleh digunakan oleh institusi masjid dalam menegur, memberi nasihat dan menyedarkan masyarakat multi etnik daripada perkara-perkara mungkar dan maksiat ialah dakwah yang berbentuk penyebaran pamphlet. Medium ini telah digunakan oleh beberapa buah masjid dan badan-badan bukan kerajaan yang mempunyai struktur organisasi yang kukuh antaranya Masjid Universiti Putra Malaysia (UPM), Masjid Mujahidin, Damansara Utama, Masjid al-Azhar, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan sebagainya. Walau bagaimanapun, medium menerusi penyebaran pamphlet ini disarankan bukan hanya terbatas di masjid-masjid bahkan di pejabat, hospital, pasar pun berbuat sedemikian. Misalnya, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Aman Palestin dan sebagainya turut serta dalam melaksanakan amar makruf nahi mungkar melalui penyebaran pamphlet yang berunsurkan dakwah.

Isu penerangan tentang Islam, penjelasan tentang salah tanggap terhadap Islam, sejarah agama-agama yang wujud merupakan antara isi dan isu yang boleh dijadikan bahan perbincangan sebagai pamphlet yang boleh diedarkan oleh pihak masjid kepada golongan Islam dan belum Islam.

### **Dakwah *Bi al-Hāl***

Dakwah *bi al-hāl* atau dakwah dengan keteladanan merupakan unsur peribadi yang mulia, di mana Islam menetapkan Nabi SAW sebagai sebaik-baik teladan, boleh diikuti dan diterapkan pada diri umat Islam (Barghush 2005). Muhammad Natsir mengatakan bahawa *uswah al-ḥasanah* ini merupakan *lisan al-hāl* (bahasa keadaan) yang paling asli dan sederhana apabila dipergunakan pada saat dan cara yang tepat, kekuatannya lebih berkesan daripada kata-kata (Muhammad Natsir 1962).

Dalam mencapai keberhasilan aktiviti dakwah Islam yang diadakan oleh pihak pengurusan masjid, banyak metode dakwah yang dapat dipilih dan digunakan, salah satunya adalah metode yang dicontohkan oleh Nabi Muhammad SAW iaitu dakwah *bi al-Hāl*. Dakwah tidak terbatas pada menyampaikan ceramah di masjid-masjid, memberi tazkirah di surau-surau atau berpidato di hadapan ribuan orang. Sebaliknya,

dakwah merangkumi usaha-usaha dalam membentuk tingkah laku dan gaya hidup seseorang, membentuk manusia untuk memiliki akhlak mulia, tutur kata yang baik, kasih sayang antara sesama makhluk, berlaku jujur, kegigihan dalam bekerja, berani menegakkan keadilan, bijaksana menangani masalah, sabar ketika dilanda musibah, teguh dan setia menanggung duka dan derita serta istiqamah dalam setiap pekerjaan berupa amal kebaikan (Zikmal Fuad 2011).

Dalam menyampaikan dakwah Islamiah, Nabi SAW tidak hanya bertablígh, mengajar atau mendidik dan membimbing tetapi juga sebagai *uswah al-Hasanah*. Baginda juga memberikan contoh dalam pelaksanaannya, sangat memperhati dan memberikan arahan terhadap kehidupan sosial, ekonomi seperti dalam bidang pertanian, penternakan, perdagangan dan sebagainya. Dakwah Nabi SAW ketika berada di Makkah penuh dengan pengorbanan dan ancaman akibat penentangan dan cubaan pembunuhan. Begitu juga ketika berada di Madinah, Nabi SAW dan para sahabat berusaha untuk memartabatkan kehidupan mereka dalam pelbagai bidang seperti sosial, ekonomi, politik dan sebagainya. *Al-Qudwah al-Hasanah* bagi pendakwah merupakan metode penting untuk sampai kepada matlamat dakwah. Kejayaan dakwah oleh para pendakwah zaman dahulu adalah disebabkan pendekatan *manhaj* ini (Salih 1999).

Islam menetapkan Rasulullah SAW sebagai sebaik-baik teladan bukan sekadar untuk dibanggakan, bukan pula untuk direnungkan sahaja bahkan Islam menampilkkan keteladanan itu di hadapan umat manusia agar boleh diikuti dan diterapkan pada diri umat Islam, sesuai dengan kemampuan masing-masing. Islam melihat keteladanan merupakan alat dakwah dan pendidikan yang paling efektif, sehingga Islam menetapkan sistem pendidikan yang berterusan atas dasar prinsip keteladanan tersebut (Jum'ah Amin Abdul Aziz 2010).

Dakwah *bi al-hal* adalah aktiviti dakwah yang dilakukan melalui perbuatan nyata dengan pelbagai bentuk kegiatan dan nampak positifnya dapat dirasakan dengan cepat. Dakwah *bi al-hal* berusaha merubah keadaan dan kualiti kehidupan ke arah yang lebih baik. Diharapkan peranannya dapat membasmikan kejahilan, kemunduran dan kemiskinan. Jelaslah bahawa dakwah *bi al-hal* merupakan antara metode dakwah yang dapat menimbulkan rasa cinta dan kepuasan dalam jiwa setiap manusia (Badahdah 1419 H).

Politik melambangkan kekuasaan, pengaruh, populariti dan sokongan yang diperolehi daripada pendokong-pendokong yang terdiri daripada individu, organisasi, parti, aliran dan sebagainya. Platform politik atau kepimpinan merupakan antara medium yang sangat berpengaruh dalam masyarakat. Para sarjana telah banyak membincangkan mengenai isu politik sebagai satu disiplin ilmu disebabkan kepentingan dan kemaslahatannya dalam kehidupan manusia. Islam dan politik tidak boleh dipisahkan kerana pada zaman Rasulullah SAW masjid dijadikan pusat

pentadbiran negara dalam membincangkan isu-isu semasa yang ada kaitan dengan pengurusan, perperangan, perlantikan pemimpin dan sebagainya (Mohd Nakhaie 2015).

Dalam kitab al-Qaradawi yang bertajuk ‘*Fiqh al-Dawlah*’, beliau menegaskan bahawa sebahagian ahli politik menganggap bahawa agama tidak berkaitan dengan politik dan kemudian mengisyiharkan satu kenyataan dusta, ‘tidak ada agama dalam politik dan tidak ada politik dalam agama’. Justeru itu, golongan ini merupakan orang-orang yang mengingkari kenyataan tersebut dengan ucapan dan perbuatan mereka sendiri. Mereka sentiasa merujuk kepada agama untuk mengambil bahan-bahan yang boleh digunakan untuk urusan politik mereka dan menyerang musuh-musuh mereka. Mereka juga meminta fatwa daripada ulama-ulama yang lemah semangat keagamaannya dan kurang ilmunya bagi menentang orang-orang yang membangkang dengan politik mereka. Padahal politik tersebut adalah batil secara agama dan tidak sesuai untuk kehidupan (al-Qaradawi 1997).

Penjelasan al-Qaradawi di atas disokong oleh beberapa ayat daripada al-Quran yang menyebut tentang urusan kenegaraan, kepimpinan, kehakiman dan perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek politik. Antaranya seperti aspek kedaulatan dan kerajaan disebut dalam firman Allah SWT (Ali ‘Imran 3: 26) yang bermaksud:

Katakanlah (Wahai Muhammad): “Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkaulah yang menghina sesiapa yang Engkau kehendaki. Dalam kekuasaan Engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

Aspek kehakiman dibincang dalam firman Allah SWT (Yusuf 12: 40) yang bermaksud:

Apa yang kamu sembah, yang lain dari Allah, hanyalah nama-nama yang kamu menamakannya dan datuk nenek kamu. Allah tidak pernah menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya. Sebenarnya hukum (yang menentukan amal ibadat) hanyalah bagi Allah. Ia memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia. Yang demikian, itulah agama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Manakala aspek kepimpinan dinyatakan dalam firman Allah SWT (al-Anbiya’ 21: 73) yang bermaksud:

Dan Kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan, yang memimpin (manusia ke jalan yang benar). Dengan perintah kami dan Kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat; dan mereka pula sentiasa beribadat kepada kami.

Seterusnya, aspek kesetiaan dan ketaatan dibahaskan dalam firman Allah SWT (al-Nisa' 4: 59) yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan Rasulullah dan kepada *ulil-amri* (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian, jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (al-Sunnah) Rasul-Nya jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

Ayat-ayat tersebut merupakan sebahagian daripada hubungan politik dengan kehidupan manusia. Peranan dan fungsi masjid pada zaman Nabi SAW dan sahabatnya tidak memisahkan tempat perbincangan urusan pentadbiran, kepimpinan, pengurusan dengan kehidupan. Masjid dimakmurkan dengan pelbagai aktiviti-aktiviti dan tidak hanya terhad kepada ibadah semata-mata.

## KESIMPULAN

Masjid mempunyai peranan yang sangat besar dalam melaksanakan tuntutan dakwah Islamiah terhadap masyarakat. Terdapat pelbagai pendekatan dan medium yang boleh digunakan dalam pelaksanaan dakwah, namun kesesuaian pemilihan pendekatan serta medium perlu dititikberatkan agar usaha dakwah yang dilaksanakan berupaya disampai dan diterima oleh masyarakat multi etnik khususnya dan masyarakat Malaysia amnya pada hari ini. Berasaskan kepada kekuatan peranan dan kepelbagaiannya pendekatan inilah, dakwah Islam yang diasaskan oleh seluruh para rasul telah berjaya sampai ke seluruh muka bumi.

Masjid di sepanjang sejarah merupakan medan utama dalam kerangka untuk membangun dan membina peradaban umat Islam. Ia juga berfungsi sebagai lambang keutuhan dan kekuatan umat Islam di sepanjang zaman. Pemerkasaan masjid dalam konteks perbincangan di sini ialah usaha penambahbaikan terhadap strategi pentadbiran dan pengurusan organisasi masjid sehingga pelbagai etnik, bangsa dan agama pun dapat diajak bersama dalam program-program yang dirangka. Ianya bertujuan ke arah memantapkan segala program dan aktiviti masjid sesuai dengan kedudukannya sebagai zon dakwah, pendidikan, pembangunan dan pembinaan generasi umat manusia. Kewajaran masjid diurus secara profesional adalah sesuatu yang amat relevan dengan keperluan dan tuntutan perkembangan semasa, terutamanya

dalam situasi masa kini dalam keadaan masyarakat multi etnik khususnya di Malaysia bagi menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang bersifat luaran dan dalaman.

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 1980. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Agama Islam (BAHEIS) Jabatan Perdana Menteri.
- Ab. Aziz Mohd Zin. 2004. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Mohd Zin. 2012. *Strategi Dakwah dalam Sirah Nabi SAW*. Kuala Lumpur: Jab. Dakwah & Pembangunan Insan, APIUM.
- Abd. Ghafar Don. 1998. *Metodologi Terhadap Masyarakat Orang Asli, Dakwah Kepada Non Muslim di Malaysia Konsep, Metode dan Pengalaman*. Bangi: UKM.
- Abu Urwah. 1989. *Risalah Usrah*, Jil. 3. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ahmad Mubarak. 1999. *Psikologi Dakwah*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2001. *Sejarah Dakwah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn. Bhd.
- Akram Kassab. 2010. *Metode Dakwah Yusuf al-Qaradawi*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Ali Abd al-Halim. 1994. *al-Mar'at al-Muslimat Wa Fiqh al-Da'wah Ila Allah*. Misr: Dar al-Wafa' li al-Tiba'at.
- Ali Mustafa Yakub. 1997. *Sejarah dan Metodologi Dakwah Nabi*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Bah Dahdah, Ahmad. 1419H. *Muqawwamat al-Dā'iyyah al-Nājih*. Jedah: Dar Andalus.
- Barghush, Abd al-Aziz. 2005. *Manhaj al-Da'wah fi al-Mujtama' al-Muta'addid al-Adyān wa al-Ajnās*. Gombak: IIUM.
- Basri bin Ibrahim. 2011. *Metode Fatwa al-Qaradhawi dalam Menangani Isu-isu Semasa*. Selangor: al-Hidayah Publication.
- al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. 1995. *al-Madkhāl Ilā Ilm al-Da'wah*, Beirut: Muassah al-Risalah.

- Jum'ah Amin 'Abd al-'Aziz. 2010. *al-Da'wah Qawāid wa Uṣūl*. Iskandariah: Dar al-Da'wah.
- Jaffary Awang & Kamaruddin Salleh. 2007. *Pemikiran Islam dan Isu-Isu Semasa*. Bangi: UKM.
- Jalaluddin Rahmat. 1992. *Islam Aktual*. Bandung: Rosda Karya.
- al-Kanani, Abd al-Halim. 1997. *al-Da'wah al-Farīdiyah Bayna al-Naẓariyyāt wa al-Tatbīq*. Misr: Dar al-Wafa'.
- Kamus Dewan. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- al- Kawarib, Khalifah bin Jasam. 2004. *Yūsuf al-Qaradawī Kalimah fī Takrimih*. Qāhirah: Dār al-Salām.
- Malaysian Review. 2014. Penduduk Malaysia. *Berita Harian*, 12 Disember.
- Mohd Nakhie Ahmad. 2015. Memperkasa Peranan Masjid Menerusi ICT, *Memperkasa Peranan Teknodaie Cabaran dalam Pembangunan dan Penggunaan ICT*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Muhammad Isa Anshari. 1979. *Mujahid Dakwah, Pembimbing, Muballigh Islam*. Bandung: Penerbit CV Dipanegora.
- Muhammad Natsir. 1962. *Fiqh al-Dakwah*. Solo: Ramadhani.
- al-Qaraḍawī, Yūsuf Abdullāh. 1997. *Fatāwa Mu'āsarāh*. Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaraḍawī, Yūsuf Abdullāh. 2001. *Awlawiyyāt al-Harakah al-Islamiyyah fi Marḥalah al-Qadīmah*. Beirut: Risalah Publisher.
- al-Qaraḍawī, Yūsuf Abdullāh. 1980. *al-Islām wa al-Fann*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Şālih, Şubhī. 1999. *al-Nuzūm al-Islamiyyah*. Beirut: Dār al-Ilm.
- Sulaiman Ibrahim & Fariza Md Sham. 2008. *Metodologi Dakwah*. Selangor: Pusat Kembangan Pendidikan UKM.
- al-Ṭabarī, Sulayman Alḥmad bin Ayub Abū al-Qāsim. 1985. *al-Mu'jam al-Ṣaghīr al-Ṭabarī*. Birut: Dar Ammar.
- Wan Hussein Azmi. 1984. *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Yahya Mahmud Salman. 2005. *al-Sīrah al-Nabawiyyah*. Kuala Lumpur: Markaz al-Bayan.
- Yusmini Md. Yusoff & Mohd Anwarulhaq Sulaiman. 2004. Kajian Tentang Maklumbalas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-masjid di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Usuluddin* 20(20): 201-222.
- Zaydān, Abd al-Karīm. 2000. *Usul al-Da'wah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Zikmal Fuad. 2011. Metodologi Dakwah Shaykh Muim al-Wahhab di Kalangan Masyarakat Besilam Langkat. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkiple Abd. Ghani. 2003. *Membangun Institusi Masjid, Komunikasi Masjid*. Kuala Lumpur: APIUM.